

22/08/2003

Kerajaan rangka strategi banteras seludup beras

Othman Mamat; Kadir Dikoh; Salina Abdullah; Ahmad Ghazali Musa
JOHOR BAHRU: Kerajaan akan merangka beberapa strategi bagi membanteras kegiatan penyeludupan beras yang semakin berleluasa sekarang, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, kegiatan itu jika dibiarkan bukan saja menjejaskan industri beras tempatan tetapi akan mengakibatkan negara kerugian dari segi kutipan cukai daripada syarikat yang terbabit dalam perniagaan komoditi itu.

"Apabila syarikat terjejas akibat penyeludupan, maka perniagaan mereka akan merosot seterusnya jumlah cukai yang kita kutip pun menurun," katanya selepas merasmikan Menara Kastam Johor, di sini semalam.

Laporan sebelum ini menyebut penyeludupan beras menyebabkan Bernas mengalami kerugian kumulatif RM27 juta, manakala negara rugi kira-kira 400,000 tan bernilai hampir RM240 juta setahun.

Kabinet yang membincangkan masalah itu kelmarin, mengarahkan langkah lebih bersepadu diambil membabitkan pelbagai agensi bagi membanteras kegiatan penyeludupan berkenaan, khususnya menerusi jalan laut.

Langkah itu dijangka membabitkan pemantauan dan pengawasan yang lebih ketat di pelabuhan dan perairan negara. Selain itu, bentuk hukuman yang lebih tegas terhadap penyeludup juga akan dikaji.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata, walaupun beras adalah barangan tidak dikenakan cukai, kemasukannya ke negara ini bagi menampung kekurangan beras negara, perlu dilakukan mengikut peraturan dan undang-undang.

"Hasil yang diperoleh kerajaan menerusi kutipan kastam negara ini digunakan bagi pembangunan rakyat seperti penyediaan kemudahan, infrastruktur dan sebagainya," katanya.

Beliau berkata, anggota kastam perlu didedah dengan penggunaan teknologi moden untuk mencegah penyeludupan selain memiliki budaya kerja berkualiti mengawal kegiatan mereka yang cuba mengelak daripada membayar cukai.

Di KUALA LUMPUR, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi percaya kegiatan penyeludupan beras yang semakin serius itu dilakukan pihak yang mendapat permit import (AP) tetapi membawa masuk melebihi had dibenarkan.

Timbalan Perdana Menteri berkata, walaupun penyeludupan boleh dilakukan dalam pelbagai kaedah, penyalahgunaan dan pemalsuan AP menyebabkan penyeludupan beras berlaku secara besar-besaran.

"Kita nak tahu bagaimana ia boleh berlaku. Adakah mereka yang diberi AP ini membawa masuk (beras) lebih daripada yang dibenarkan atau mereka menggunakan satu AP di banyak negara dan membawa masuk beras dari beberapa tempat, seperti Klang, Pulau Pinang atau Pasir Gudang.

"Katakan boleh bawa 10 tan bagi satu AP, tapi jika guna di tiga tempat, sudah 30 tan. Ini satu kesalahan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Menteri-Menteri Pertanian dan Perhutanan Asean (AMAF) ke-25 dan Asean+3 ketiga, di sini semalam.

Beliau yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, kastam dan Badan Pencegah Rasuah (BPR) serta pelbagai agensi berkaitan sedang melakukan siasatan merangkumi pelbagai aspek bagi membanteras kegiatan yang mensabotaj industri dan ekonomi negara itu.

Katanya, siasatan itu membolehkan kerajaan melihat secara menyeluruh sistem atau prosedur dan peraturan sedia ada berhubung pengeluaran AP.

Mengenai tindakan menahan penyeludup mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), Abdullah berkata, kerajaan akan menggunakan peruntukan

undang-undang itu berikutan kesan kegiatan tidak bertanggungjawab itu kepada industri padi dan beras serta ekonomi negara.

"Kegiatan ini juga menjejaskan masa depan pesawah, peladang, yang rata-rata masih berpendapatan rendah. Namun, kita tidak akan menggunakan ISA sewenang-wenangnya.

"Memang secara dasarnya, ISA ini dihadkan untuk hal berkaitan keselamatan tetapi penyeludupan beras adalah kes berat, yang boleh memberi kesan buruk kepada banyak aspek. Oleh itu, kita tidak ketepikan langsung kemungkinan menggunakan hukuman ini kepada penyeludup beras," katanya.

Mengenai kerjasama dengan negara jiran bagi membanteras kegiatan itu, Abdullah berkata, ia mungkin dilaksanakan, bergantung kepada hasil siasatan agensi berkaitan.